

02 JULY 2018

## Sasar 1,000 peserta larian amal kempen antidadah

KUANTAN - Seramai 1,000 orang peserta disasarkan menyertai larian amal kempen anti dadah anjuran Persatuan Pusat Perkhidmatan Geha Bodhi yang dijadualkan berlangsung pada 17 September ini.

Pengerusinya, Lam Khai Cheong berkata, larian amal yang akan diadakan di Taman Gelora dekat sini itu mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk Kementerian Belia dan Sukan serta sokongan daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam).

Beliau berkata demikian pada sidang media program tersebut di Hotel Riverside di sini, semalam.

Turut hadir, Penolong Pengarah AADK Pahang Cawangan Rawatan Perubatan dan Pemulihan, Nurul Haiza Sidek.

### Sasar 1,000 peserta larian amal kempen anti dadah



Khai Cheong (empat, kanan) dan Nurul Haiza (tiga, kanan) pada sidang media program tersebut di Hotel Riverside, semalam.

Menurut Khai Cheong, larian amal itu bertujuan memberi pendidikan kepada masyarakat tidak kira pelbagai peringkat untuk sama-sama menjauhi dadah dengan cara

melibatkan diri dalam aktiviti seperti sukan dan kemasyarakatan.

"Sesuai dengan matlamat penubuhan Geha Bodhi, tujuan aktiviti seperti ini juga sebenarnya ingin

membawa masyarakat serta mereka yang dalam pemulihan dadah untuk terus aktifkan diri dalam sukan agar dapat melupakan dan tidak mengulangi gejala dadah," kata-

nya.

Jelasnya lagi, Geha Bodhi berperanan memberi ceramah agama di penjara dan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (Puspen) serta menerima penghuninya untuk diberikan rawatan dan pemulihan dengan menjalankan pelbagai aktiviti anti dadah.

"Untuk penyertaan larian itu nanti, peserta boleh datang terus ke pejabat kami di No 2, Lorong Seri Mahkota 50, Batu 12 Jalan Gambang atau menerusi laman sesawang [www.gehabodhi.blogspot.com](http://www.gehabodhi.blogspot.com).

"Selain itu, peserta juga boleh hubungi rakan kerjasama kami iaitu Drugs Intervention Community Malaysia, Kelab Pemuda Patriotik Antidadah GBCC, Persatuan Pencegahan Dadah Malaysia, ABC Event dan Kuantan Tiong Hua United Association untuk penyertaan," katanya.